



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/12/80 (HQ)

### TNB SEDIA SET JANAKUASA, CUTI DIBEKUKAN UNTUK HADAPI BANJIR

- Set janakuasa ditempatkan di lima lokasi berisiko banjir
- Cuti sebahagian warga kerja di Kelantan dan Terengganu dibekukan

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** telah meletakkan set-set janakuasa bergerak di lima lokasi yang berisiko tinggi banjir di Kelantan dan Terengganu sebagai sebahagian tindakan siap-siaganya jika bekalan elektrik tidak dapat dibekalkan menerusi talian kabel semasa musim tengkujuh ketika ini.

Sebanyak empat set janakuasa bergerak 1,000 kVA telah ditempatkan di Lemal, Pasir Mas; Lundang, Kota Bharu; Tumpat dan Kuala Krai di Kelantan. Sementara itu di Kemaman, Terengganu, satu set janakuasa bergerak diletakkan dalam keadaan siap-siaga.

“Kelima-lima set janakuasa bergerak tersebut telah ditempatkan awal bagi mengelakkan kemungkinan lokasi-lokasi berkenaan tidak dapat diakses semasa banjir,” kata Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB (*Chief Distribution Network Officer* TNB), Datuk Ir. Baharin Din.

Menurut beliau, cuti untuk lebih 700 warga kerja TNB di Kelantan dan Terengganu dibekukan. Pekerja yang terlibat sebahagian besarnya merupakan warga kerja yang diberi tanggungjawab memastikan pepasangan TNB berada dalam keadaan baik dan selamat.

Daripada jumlah tersebut, 223 orang berada di Kota Bharu dan 114 di Tanah Merah, Kelantan; 253 di Kuala Terengganu dan 117 di Kemaman, Terengganu.

Sekiranya orang ramai mendapati terdapat sebarang kejanggalan kepada pepasangan TNB, seperti tiang tumbang akibat banjir, sila hubungi TNB CareLine 15454 atau Facebook TNB Careline bagi tindakan lanjut.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 3 Disember 2019, jam 11.30 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid (013-3626923) /  
Grace Tan (016-6626229) / Nasir Aziz (018-9434524)  
atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*